

# UTM anugerah Ijazah Doktor Kehormat kepada Dr. Mahathir 4 Disember

KUALA LUMPUR 5 Nov. — Universiti Teknologi Malaysia (UTM) akan menganugerahkan Ijazah Doktor Kehormat Pengurusan dan Kejuruteraan kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai pengiktirafan dan penghargaan atas sumbangannya dalam pembangunan bidang pendidikan di negara ini.

Naib Canselor UTM, Prof. Datuk Ir. Mohd. Zulkifli Mohd. Ghazali berkata, ijazah tersebut akan disampaikan pada satu konvokesyen khas UTM yang diadakan pada 4 Disember ini.

"Beliau (Dr. Mahathir Mohamad) telah bersetuju dengan penganugerahan itu dan UTM merupakan universiti pertama yang memberi anugerah seumpamanya," katanya.

Beliau mengumumkan perkara itu pada majlis berbuka puasa bersama media di Seri Kembangan dekat sini hari ini.

Mohd. Zulkifli berkata, penganugerahan itu wajar diberikan memandangkan jasa bekas Perdana Menteri terlalu tinggi dalam bidang pendidikan berdasarkan kepada penubuhan banyak universiti di negara ini sepanjang Dr. Mahathir menerajui negara selama 22 tahun.

Pada majlis itu, Mohd. Zulkifli turut mengumumkan kejayaan UTM memenangi empat pingat pada Pameran Antarabangsa

Reka Cipta Produk Baru yang diadakan di Nuremberg, Jerman pada 30 Oktober hingga 2 November lalu.

"Ia merupakan penyertaan julung kali bagi UTM pada pameran itu dengan tajaan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar," katanya.

Beliau berkata, satu pingat emas

dimenangi menerusi penyelidikan bersama oleh Prof. Madya Dr. Rio Sumarni Sharifuddin dan Dr. Zaidatun Tasir bertajuk *Multiple Intelligence Multimedia Courseware: Nine Modes of Learning*.

Katanya, dua pingat perak masing-masing dimenangi oleh Prof. Dr. Abu Bakar Mohammad dengan produk *MEMS Fiber Alignment* dan Prof. Madya Dr. Azmi Hassan dengan hasil penyelidikan *Low Cost Precise Navigation Via GPS Satellite*.

Pingat keempat yang diterima berupa gangsa yang dimenangi oleh Dr. Wan Muhammad Saridan Wan Hassan menerusi penyelidikan bertajuk *PC Based Noise Equivalent Quanta Computation of Radiographic-Filem Systems*.